



KERAJAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) atau Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) di daerah **Betong** dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

Bil	BUTIR-BUTIR UNDIAN	BUTIR-BUTIR KELAYAKAN	BUTIR-BUTIR TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	BUTIR-BUTIR PENGAMBILAN DOKUMEN	TARIKH DAN WAKTU TAWARAN TUTUP
1	<p>PROJEK BINA BARU JALAN PERHUBUNGAN DESA (JPD) KE TAPAK TANAH WAKAF SURAU KAMPUNG SEREMBANG, SPAOH, BETONG, SARAWAK</p> <p>(No. Sebut Harga : KPLB.SH.2/2019/SWK2)</p>	<p>Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) Oleh CIDB - Gred G1 - Kategori CE - Pengkhususan CE01,CE21</p> <p>dan;</p> <p>2. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Oleh CIDB - Gred G1 - Kategori CE</p> <p>ATAU;</p> <p>1. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) Oleh CIDB - Gred G1 - Kategori CE - Pengkhususan CE01,CE21</p> <p>dan;</p> <p>2. Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) - Kelas F - Kepala I, Sub Kepala (1) - Kepala III, Sub Kepala 1(a), 1(b), 1(d), 1(e), 2(a) / 2(b) & 2(d)</p> <p>DAN;</p> <p>3. Sijil Taraf Bumiputera BPKU atau UPKJ</p>	<p>Tarikh : 13 Mac 2019 (Rabu)</p> <p>Masa : 01.00 petang</p> <p>Tempat : Balai Raya Kpg Serembang, Spaoh, Betong, Sarawak (Kehadiran adalah diwajibkan)</p>	<p>Tarikh: 13 Mac 2019 (Rabu)</p> <p>SELEPAS TAKLIMAT TAPAK</p> <p>Harga Dokumen : Percuma</p>	<p>Tarikh Tutup: 20 Mac 2019 (Rabu)</p> <p>Masa : Pada / Sebelum 12.00 tengahari</p> <p>Tempat : Pejabat KPLB Negeri Sarawak, Tingkat 2, Blok Pentadbiran, Kampus Institut Kemajuan Desa (INFRA) Cawangan Sarawak Lot 8185, Blok 26, Muara Tuang Land District 94300 Kota Samarahan, Sarawak</p>

KEUTAMAAN AKAN DIBERIKAN KEPADA KONTRAKTOR TEMPATAN :

1 Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor yang sah dan menghadiri Taklimat beserta Lawatan Tapak sahaja. Untuk maksud ini Kontraktor (Pemilik Syarikat yang dinamakan) hendaklah membawa dokumen-dokumen **ASAL dan SALINAN** (Salinan dokumen tidak akan dikembalikan) seperti dibawah untuk tujuan semakan;

a) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)

b) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) / Sijil Pendaftaran Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juruperunding (UPKJ)

c) Sijil Taraf Bumiputera dari Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) ATAU UPKJ

d) Kad Pengenalan

2 Sila kemukakan PPK, SPKK/UPKJ, STB yang baru atau surat/resit pembaharuan jika sijil sedia ada akan tamat tempoh kurang dari dua (2) bulan semasa lawatan tapak dan pengambilan dokumen.

3 Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Hanya **PENAMA** di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)/Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juru Perunding Sarawak (UPKJ) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) sahaja boleh menghadiri taklimat/ lawatan tapak dan **TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai selain daripada **PENAMA** yang dibenarkan di dalam sijil.

4 Kontraktor **TIDAK DIBENARKAN** mengemukakan surat "Kebenaran Khas Menyertai Tender Di Luar Bidang Pengkhususan" yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB DAN Surat kebenaran khas menyertai tender bagi Gred yang lebih tinggi/rendah adalah **TIDAK DITERIMA**.

5 Dokumen Sebut Harga akan dikemukakan selepas lawatan tapak diadakan dan tidak akan dikeluarkan selepas tempoh tersebut di atas.

6 Dokumen yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri ke dalam Peti Tawaran di :-

Pejabat KPLB Negeri Sarawak,
Tingkat 2, Blok Pentadbiran, Kampus Institut Kemajuan Desa (INFRA) Cawangan Sarawak
Lot 8185, Blok 26, Muara Tuang Land District
94300 Kota Samarahan, Sarawak

7 Dokumen yang **LEWAT** diterima selepas tarikh tutup di atas tidak akan dipertimbangkan.